



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) **menafikan** dakwaan bahawa pihaknya membenarkan penganjuran bazar Ramadhan susulan tularnya sebuah video yang memaparkan kesesakan orang awam membeli juadah berbuka puasa di Kampung Pandan. Berdasarkan pemantauan DBKL tapak tersebut bukan bazar Ramadhan tetapi hanyalah gerai menjual makanan di tepi jalan yang dikerumuni pengunjung yang tidak mematuhi penjarakan sosial. DBKL **menegaskan** bahawa pihaknya kekal dengan keputusan tidak membenarkan sebarang penganjuran bazar Ramadhan pada tahun ini.
2. Gedung beli-belah Metrojaya **menafikan** dakwaan bahawa barang jualan di cawangan Metrojaya Suria, Sabah adalah produk tiruan kerana telah mengalami kerosakan setelah premis tersebut ditutup sepanjang tempoh PKP seperti yang tular di media sosial. Pihaknya **memberi jaminan** bahawa semua produk yang rosak tersebut telah digantikan dengan stok baharu dan pihak pengurusan Metrojaya sedang menjalankan siasatan untuk mengetahui sebab sebenar produk tersebut mengalami kerosakan sedemikian rupa.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
13 Mei 2020 | 9.30 Pagi**

